



Peraduan Balik Kampung Bersama Drypers & Robocar Poli

Terma & Syarat

1. Peraduan Drypers Balik Kampung Bersama Drypers & Robocar Poli ('Peraduan') ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia, kecuali kakitangan SCA Hygiene Marketing (M) Sdn. Bhd. ('Pihak Penganjur') dan keluarga terdekat mereka, dan/atau syarikat gabungan, pengedar, agensi-agensi pengiklanan dan promosi pihak Penganjur.
2. Peraduan ini bermula pada 22hb Mei 2017 dan berakhir pada 16hb Julai 2017 ('Tempoh Peraduan'). Pihak Penganjur berhak untuk mengubahsuai tempoh peraduan tanpa sebarang notis terlebih dahulu.

Cara Penyertaan

1. Peserta dikehendaki mengikuti langkah berikut untuk menyertai peraduan ini:
 - i. Daftarkan diri sebagai ahli Drypers Baby Club di <https://www.drypers.com.my/ms-MY/registration/> jikalau anda belum menyertai Drypers Baby Club;
 - ii. Beli pek mega Drypers Wee Wee Dry Robocar Poli edisi terhad atau Drypers Drypantz ('Pek Drypers')
Drypers Wee Wee Dry Robocar Poli: S82 / M74 / L62 / XL50 / XXL40
Drypers Drypantz: M60 / L48 / XL42 / XXL36
 - iii. Log masuk akaun keahlian Drypers Baby Club dan masukkan kod unik dari Pek Drypers untuk mengumpul mata ganjaran Drypers dalam Tempoh Peraduan.
2. Sekiranya Pihak Penganjur mengesyaki penipuan kod unik, maka Pihak Penganjur berhak untuk meminta bukti pembelian daripada ahli (kod unik yang dicetak di bungkusan mestilah sama dengan kod unik yang direkodkan dalam Rekod Mata Drypers anda). Pihak Penganjur juga berhak mengambil keputusan induk sama ada dengan atau tanpa notis, untuk memperbetulkan mata ganjaran yang telah dikreditkan dalam akaun ahli.

Kriteria Pemenang-Pemenang

1. Pemenang dengan mata ganjaran Drypers tertinggi dari Pek Drypers akan dipilih oleh Pihak Penganjur, dan hadiah berikut akan diberikan kepada pemenang-pemenang:
 - i. Hadiah Mingguan x 20 pemenang: Permainan Robocar Poli bernilai RM20
 - ii. Hadiah Utama x 1 pemenang: Permainan Robocar Poli bernilai RM600
 - iii. Hadiah Ke-dua x 1 pemenang: Permainan Robocar Poli bernilai RM250
 - iv. Hadiah Ke-tiga x 1 pemenang: Permainan Robocar Poli bernilai RM230
 - v. Hadiah Saguhati x 25 pemenang: Permainan Robocar Poli bernilai RM60
2. Pihak Penganjur akan menghubungi para pemenang melalui emel dalam bulan Ogos. Para pemenang dikehendaki menjawab emel dengan menghantarkan butiran peribadi, termasuk Nama Penuh, No. Telefon, Alamat E-mel, dan Alamat Surat-menyurat kepada Drypers Baby Club dalam tempoh tiga (3) hari bekerja selepas penghantaran emel.
3. Pihak Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan yang lain yang sama nilai tanpa memberi notis terlebih dahulu. Hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dikembalikan dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai.
4. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerosakan atau kelewatan hadiah yang dihantarkan/ditebus.
5. Pihak Penganjur berhak untuk menukar Terma dan Syarat tanpa sebarang notis.
6. Dengan menyertai peraduan ini, para peserta bersetuju untuk mematuhi syarat-syarat dan peraturan rasmi yang ditetapkan serta segala keputusan Pihak Penganjur. Keputusan para pengadil adalah muktamad. Sebarang perihal surat-menyurat tidak akan dilayan.